



LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya
Tel: 03-88802000 Faks: 03-88802788 Pusat Panggilan: 03-88801600
www.lppsa.gov.my

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) MELANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BAHARU UNTUK LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

Putrajaya, 1 September 2020 - Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) mengumumkan pelantikan Encik Mohd Farid Bin Dato' Haji Nawawi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berkuat kuasa pada 1 September 2020.

Encik Mohd Farid telah memperolehi pendidikan menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Beliau kemudian memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perdagangan di University of Wollongong di Australia pada tahun 1989.

Encik Mohd Farid sebelum ini memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di ASM Development (KL) Sdn. Bhd. dengan pelbagai pengalaman meluas di dalam pasaran modal hutang, pengumpulan dana, pengurusan perbendaharaan dan kewangan. Beliau juga pernah memegang jawatan pengurusan tertinggi di dalam perjalanan kariernya sebelum ini.

MENGENAI LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA):

LPPSA merupakan sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan bebas sepenuhnya di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang bertanggungjawab menguruskan pembiayaan perumahan untuk sektor awam dan telah mula beroperasi pada 1 Januari 2016.